

Kurikulum Khidmat Negara libatkan 20% latihan asas tanpa senjata

UM 12 DEC 2002
KUALA LUMPUR 11 Dis - Kurikulum Khidmat Negara yang bakal dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet akan merangkumi 20 peratus latihan asas ketenteraan yang tidak akan melibatkan penggunaan senjata.

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kurikulum Khidmat Negara, Datuk Dr. Nordin Kardi berkata, program itu turut memasukkan 40 peratus pengisian elemen kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara.

"Sebanyak 40 peratus lagi melibatkan program khidmat masyarakat yang memerlukan para peserta berdamping secara langsung dengan orang ramai melalui kerja-kerja kemasyarakatan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Menurutnya, perkara ini masih lagi belum muktamad dan segalanya bergan-

tung kepada keputusan jawatankuasa khas tersebut.

Cadangan pelaksanaan kerahan tenaga dibangkitkan semasa dialog dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Kongres Patriotisme Negara di Bangi, Oktober lalu.

Cadangan itu menarik perhatian Dr. Mahathir yang kemudian mengemukakannya kepada Kabinet dan berikutan itu, sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Khidmat Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak ditubuhkan.

Menurut Nordin, motif utama memasukkan latihan asas ketenteraan di dalam kurikulum Khidmat Negara adalah sebagai satu mekanisme untuk membentuk disiplin dan semangat bekerjasama di kalangan peserta.